

Co-opbank Pertama

Piagam Perbankan Elektronik (e-Banking)

Co-opbank Pertama ("CBP") komited untuk memastikan produk dan perkhidmatan yang disediakan kepada anda melalui laman web kami di <https://www.cbp.com.my/> (Laman web Korporat CBP), <https://www.helocbp.com.my> (HELOCBP) dan <https://www.helobiz.com.my> (HELOBiz) adalah boleh dipercayai, mudah alih dan berkesan.

Oleh itu, CBP berkomitmen untuk menyediakan:

1. Keselamatan

Keselamatan adalah yang paling penting bagi kami dan kami berjanji untuk melindungi keselamatan operasi Perbankan Internet. Langkah-langkah keselamatan kami sentiasa dipantau dan ditinjau untuk melindungi dan menjaga transaksi anda.

Di CBP, kami berusaha memastikan keselamatan operasi Perbankan Internet dengan membenarkan hanya pengguna/orang yang dibenarkan sahaja yang mempunyai akses kepada maklumat pelanggan.

Pengguna dinasihatkan untuk:

- i) Tidak berkongsi ID dan kata laluan mereka dengan individu lain;
- ii) Sentiasa log keluar selepas transaksi selesai;
- iii) Tidak memaparkan maklumat mereka kepada orang yang tidak dibenarkan.
- iv) Sentiasa berjaga-jaga dan lindungi maklumat peribadi anda untuk mengurangkan risiko menjadi mangsa fraud dan scammer.

2. Privasi dan Kebenaran Data Peribadi

Kami mengambil semua langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk melindungi dan menjaga privasi maklumat peribadi, perbankan, kewangan dan sebarang maklumat lain yang anda kongsi dengan kami. Semua maklumat data pelanggan adalah selamat dan dienkrpsi untuk memastikan bahawa maklumat anda kekal sulit dan selamat semasa penghantaran. Langkah-langkah keselamatan kami sentiasa dipantau, ditinjau dan diuji secara berkala oleh kami.

3. Perkhidmatan yang Boleh Dipercayai dan Berkualiti

Kami sangat komited untuk memastikan pelanggan menerima perkhidmatan Perbankan Internet yang boleh dipercayai dan berkualiti tinggi. Kami akan memastikan pemasangan perkakasan, perisian dan peralatan kami hanya diuruskan oleh kakitangan yang berkelayakan dan terlatih. Semua pekerja yang dibenarkan yang terlibat dalam menyediakan perkhidmatan telah dilatih sepenuhnya dengan kemahiran yang diperlukan untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada anda. Kami akan sentiasa

mengemaskini dan meningkatkan perkhidmatan perbankan elektronik kami supaya anda mempunyai akses kepada ciri-ciri terkini, teknologi, dan peningkatan keselamatan.

4. Ketelusan Produk dan Perkhidmatan

Kami akan memastikan dengan cara terbaik maklumat tentang semua produk dan perkhidmatan adalah jelas dan tepat. Kami tidak akan memberikan maklumat yang menyesatkan atau memberi gambaran palsu tentang produk dan perkhidmatan yang kami tawarkan kepada anda. Kami juga akan memastikan pendedahan yang adil dan tepat kepada pengguna setiap masa. Kami akan sentiasa memastikan bahawa semua terma dan syarat mematuhi prinsip Shariah.

5. Tindak Balas Pantas terhadap Pertanyaan dan Aduan Pelanggan

Kami sentiasa berusaha untuk mengekalkan tahap perkhidmatan yang tertinggi dan mengalu-alukan cadangan, komen, maklum balas, pertanyaan, atau aduan yang anda mungkin miliki berkenaan produk atau perkhidmatan kami. Kami akan memastikan langkah-langkah yang relevan diambil untuk menyelesaikan aduan anda dengan segera. Anda boleh melawat halaman "Hubungi Kami" untuk menghubungi kami.

6. Ketersediaan saluran perkhidmatan

Pada masa ini, sistem kami boleh diakses dari jam 6:00 pagi sehingga jam 12:00 tengah malam. Selepas waktu ini, tiada akses kepada Perbankan Internet (HELOCBP) dan Perbankan Internet Korporat (HELOBiz).

Digital Banking & Electronic Channel Department

Wisma JCBNext
No. 27 Lorong Medan Tuanku 1
Off Jalan Sultan Ismail
50300 Kuala Lumpur
Tel: 1300 88 7650
Fax: 03 – 2691 7790
Email: info@cbp.com.my